

AKHBAR : SINAR HARIAN

TARIKH : 17 MEI 2019

SENTIMEN : POSITIF

MUKA SURAT : 13

HARI : JUMAAT

Maklum balas dalam talian

PTPTN cari mekanisme kutip pinjaman

MOHD HAFIZ ISMAIL

KUALA LUMPUR

Orang ramai yang ingin mengemukakan sebarang maklum balas kepada Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) boleh berbuat demikian secara dalam talian bermula semalam hingga 13 Jun depan.

Pengerusinya, Wan Saiful Wan Jan berkata, usaha tersebut bertujuan mendapatkan maklum balas mengenai mekanisme baharu bayaran balik pinjaman PTPTN yang lebih berpatutan termasuk lang-

kah-langkah memastikan kelangsungan tabung pinjaman itu kepada generasi akan datang.

"Proses konsultasi rakyat ini dilaksanakan dalam bentuk kajian dalam talian dan rakyat akan diberikan maklumat secara lengkap, telus dan terbuka untuk menggalakkan maklum balas yang membina."

"Menerusi konsultasi rakyat ini, kami ambil pendekatan telus dan terbuka bagi memastikan faktor sebenar hasil perbincangan sesi meja bulat yang laksanakan pada awal 2019 lalu dapat diakses orang ramai.

"Kami harap dapatan daripada kajian ini mampu menggumpul penyelesaian praktikal," katanya ketika berucap pada Sesi Taklimat Pembentangan Kertas Konsultasi Rakyat (KKR) di sini semalam.

Wan Saiful berkata, ca-



Wan Saiful (tiga dari kiri) menyerahkan kertas kerja kepada Sheikh Shahruddin (dua dari kiri) selepas Sesi Taklimat Kertas Konsultasi Rakyat bersama media di Kuala Lumpur semalam. Turut hadir ialah Hussamuddin (dua dari kanan).

baran utama PTPTN adalah untuk memperkenalkan mekanisme baharu bayaran balik pinjaman secara berpatutan dan membantu 200,000 pelajar yang memerlukan bantuan untuk melanjutkan pelajaran setiap tahun.

"Sehingga kini, PTPTN mempunyai hutang berjumlah RM40 bilion dan antara entiti terbesar yang dijamin kerajaan," katanya.

Jelasnya, orang ramai boleh memberi maklum

balas terhadap 10 idea yang dibagikan kepada lima kategori antaranya skim baharu bayaran balik berpatutan dan cara memperbaiki kadar bayaran secara konsisten.

"Idea-idea dalam KKR

ini dihasilkan menerusi siri sesi perbincangan meja bulat dengan pelbagai pihak berkepentingan termasuk ahli kewangan, ahli Parlimen dan kumpulan mahasiswa," ujar beliau.

Antara pihak terlibat dalam Panel Konsultasi Rakyat ialah Ketua Operasi Bank Kumpulan Malaysia Industrial Development Finance Berhad, Sheikh Shahruddin Sheikh Salim dan Naib Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia, Prof Ir Dr Mohd Hamdi Bad Shukor.

Turut terlibat Timbalan Pengarah Pengajian Tinggi Kementerian Pendidikan, Prof Dr Mohd Cairul Iqbal Mohd Amin; Ahli Lembaga Pengurusan PTPTN, Datuk Dr Hussamuddin Yaacub dan Pengarah AMD Gruppe, Muhammad Affendi Mohd Diliif.